

# ANALISIS PENCAPAIAN BULANAN

# 2017 JAN - DIS



BAHAGIAN KATALOG, HADIAH & PERTUKARAN, PERPUSTAKAAN UTM  
PERPUSTAKAAN SULTANAH ZANARIAH, JOHOR BAHRU  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA, JOHOR

## ANALISA BULANAN 2017 : JANUARI - DISEMBER

### ISI KANDUNGAN

1.	Pengenalan	1
1.1	Fungsi BKHP	1
1.2	Objektif BKHP	1
1.3	Fungsi UPT	2
1.4	Objektif UPT	2
1.5	Fungsi UHP	2
1.6	Objektif UHP	2
2.	Sasaran Pencapaian Keseluruhan Bahagian Katalog, Hadiah & Pertukaran	3
2.1	Pencapaian Objektif Kualiti	3
2.1.1	Prosedur Mengkatalog dan Memproses Bahan : AKT(MB)/8.5.2	3
2.1.2	Prosedur Perolehan Bahan Hadiah : AKT	3
2.2	Key Amal Indicators / Pencapaian Balanced Score Card BKHP	5
2.3	BS 11620 – B.3.2.2 : Median Time Processing	6
2.4	Permohonan Bahan SEGERA	6
	<b>Ringkasan Pencapaian Keseluruhan BKHP</b>	<b>8</b>
3.	Pencapaian Pustakawan	9
4.	Pencapaian Pembantu Perpustakaan	10
5.	Pencapaian Program Latihan (Pelajar / Staf)	12
6.	Key Amal Indicators (KAI) / Pencapaian Balanced Score Card (BSC)	12
7.	BS 11620 – B.3.2.2 : Median Time Processing	13
8.	Permohonan Bahan Segera	14

### Lampiran

Jadual 1 hingga Jadual 7  
Rajah 1 hingga Rajah 4

Lampiran Jadual 1 – 18  
Lampiran Rajah

## ANALISA BULANAN 2017 : JANUARI - DISEMBER

### 1. PENGENALAN

Bahagian Katalog, Hadiah & Pertukaran (BKHP) 2 unit utama yang terdiri daripada Unit Pengurusan Teknikal (UPT), dan Unit Hadiah & Pertukaran (UHP).

Kedua-dua unit ini bertanggungjawab mengendalikan aktiviti pengkatalogan bahan yang terdiri daripada bahan belian, bahan galerium dan bahan hadiah serta pertukaran. Hasil penstrukturan baru ini juga, BKHP bertanggungjawab untuk melaksanakan aktiviti perolehan bahan hadiah & pertukaran yang dikendalikan oleh UHP, serta melaksanakan aktiviti akses bahan-bahan ini yang dilakukan oleh Pembantu Operasi BKHP.

Berikut merupakan fungsi dan objektif bagi Bahagian Katalog, Hadiah & Pertukaran serta fungsi dan objektif bagi kedua-dua Unit yang terdapat di Bahagian ini.

#### 1.1 FUNGSI : BKHP

- 1.1.1 Bahagian ini bertanggungjawab memproses katalog bahan yang terdiri daripada bahan belian dan hadiah serta mengawasi aktiviti pengkatalogan yang dilaksanakan di Perpustakaan UTM-Cawangan dan Perpustakaan Fakulti.
- 1.1.2 Bahagian ini turut bertanggungjawab untuk membangunkan koleksi terbitan kerajaan serta badan swasta dan juga mengedarkan bahan terbitan UTM ke organisasi/agensi luar yang terpilih melalui aktiviti Hadiah dan Pertukaran.

#### 1.2 OBJEKTIF : BKHP

- 1.2.1 Mewujudkan satu garis panduan pengurusan pengkatalogan, pengkelasan dan penetapan tajuk perkara serta garis panduan melengkapkan fizikal bahan yang dijalankan secara sistematik, teratur dan berterusan.
- 1.2.2 Menyediakan rekod bibliografik yang lengkap bagi semua bahan yang diperolehi oleh Perpustakaan UTM.
- 1.2.3 Melengkapkan fizikal bahan yang telah diproses dengan membuat label bahan dan maklumat fizikal untuk tujuan rujukan dan pinjaman.
- 1.2.4 Mengawasi dan membuat kemaskini maklumat fail kuasa bagi pengarang, perkara dan juga siri di dalam sistem perpustakaan.
- 1.2.5 Memantapkan koleksi Hadiah dan Pertukaran bagi bahan terutama yang diterima daripada Kementerian dan agensi Kerajaan.
- 1.2.6 Memastikan bahan terbitan UTM diserahkan ke Perpustakaan Negara di bawah *Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986*.



**Analisa Pencapaian Bulanan BKHP ini mengandungi Pencapaian KAI Perpustakaan UTM (*Balanced Score Card*), Sistem Pengurusan Kualiti, *Median Time Processing : BS11620*, dan lain-lain maklumat yang berkaitan dengan pencapaian Bahagian secara keseluruhan.**



## ANALISA BULANAN 2017 : JANUARI - DISEMBER

### 1.3 **FUNGSI : UPT**

- 1.3.1 Bertanggungjawab dalam urusan pengendalian bahan belian untuk dikatalog, dilabel dan dihantar mengikut lokasi yang telah ditetapkan merangkumi aspek pengawasan yang teliti terhadap :
  - 1.3.1.1 Penyediaan dan penyelarasan piawaian yang 'standard' bagi aktiviti pengkatalogan bahan selaras dengan piawaian antarabangsa dan kebangsaan.
  - 1.3.1.2 Mengawalselia keseragaman rekod bibliografik bahan di dalam Sistem Pengurusan.

### 1.4 **OBJEKTIF : UPT**

- 1.4.1 Memproses katalog bahan yang diterima oleh Perpustakaan UTM dan memastikan ia mempunyai rekod bibliografi dan 'holdings' di dalam Sistem Katalog Berkomputer Perpustakaan (LMS).
- 1.4.2 Mengkatalog bahan mengikut piawaian pengkatalogan antarabangsa dan dasar yang dipraktikkan di Perpustakaan UTM bagi memastikan kualiti bahan yang diproses serta paparan rekod bahan yang dimuatkan di dalam Sistem Perpustakaan LESTARI adalah komprehensif dan tepat.
- 1.4.3 Membuat pembetulan dan kemaskini bahan yang diterima daripada Unit Sirkulasi dan daripada lain-lain Bahagian dan Unit di Perpustakaan UTM, dan memastikan maklumat bahan di dalam sistem perpustakaan adalah betul dan tepat.
- 1.4.4 Menyelenggara rekod melalui semakan fail kuasa bagi memastikan keseragaman rekod serta bagi membolehkan rujukan rekod yang komprehensif kepada pengguna.

### 1.5 **FUNGSI : UHP**

Membangunkan koleksi Perpustakaan melalui permohonan dan penerimaan bahan hadiah serta pertukaran bahan antara organisasi sama ada badan kerajaan atau swasta.

### 1.6 **OBJEKTIF : UHP**

- 1.6.1 Bertanggungjawab untuk menguruskan perolehan dan penerimaan bahan-bahan hadiah yang diterbitkan secara percuma dari pelbagai sumber bercetak dan elektronik daripada universiti dalam/luar negara, agensi kerajaan, badan berkanun, agensi swasta, institusi dan organisasi dalam/luar negara, serta orang perseorangan bagi pembangunan koleksi bahan Perpustakaan UTM.

## ANALISA BULANAN 2017 : JANUARI - DISEMBER

- 1.6.2 Bertanggungjawab untuk menguruskan pertukaran bahan terbitan UTM kepada universiti dalam negara, agensi kerajaan atau swasta bergantung pada jumlah bahan yang diterima dari fakulti/jabatan di UTM.
- 1.6.3 Bertanggungjawab untuk menguruskan serahan bahan terbitan UTM kepada Perpustakaan Negara Malaysia tertakluk kepada Akta Penyerahan Bahan Perpustakaan 1986 (Akta 331).

### 2. SASARAN PENCAPAIAN BAHAGIAN KATALOG, HADIAH & PERTUKARAN

Sepanjang tahun 2017, BKHP memberi fokus utama kepada sasaran pencapaian yang merangkumi aktiviti pemprosesan dan pengkatalogan bahan, merangkumi bahan belian, hadiah, koleksi khas dan galerium. Selaras dengan itu, BKHP bertanggungjawab untuk memastikan bahan yang dikatalog dapat diproses dengan lebih efisien mengikut piawaian pengkatalogan yang lebih komprehensif.

Sasaran pencapaian bagi 2017 yang telah ditetapkan untuk BKHP terdiri daripada berikut :

- Pencapaian Objektif Kualiti, dan
- Pencapaian Key Amal Indicators (KAI) Bagi Menjawab Kepada Pencapaian di Balanced Score Card (BSC).

#### 2.1 **Pencapaian Objektif Kualiti**

##### 2.1.1 **Prosedur Mengkatalog dan Memproses Bahan**

2.1.1.1 Mulai Mac 2017, Skop serta Objektif Kualiti bagi prosedur ini telah dikemaskini seperti butiran berikut :-

###### 2.1.1.1.1 Skop

Kategori bahan dan tempoh pengiraan pelaksanaan proses adalah seperti berikut :

- i. Melibatkan bahan belian (bahan bercetak dan bukan bercetak) berstatus biasa sahaja yang diterima oleh BKHP.
- ii. Tempoh pengiraan mula diambilkira bagi penerimaan sebelum jam 3.00 petang (Ahad – Rabu) dan 12.00 tengahari (Khamis) sahaja.
- iii. Pengiraan ‘bilangan hari bekerja’ **TIDAK** merangkumi ‘hari bekerja’ yang mengalami gangguan akses kepada sistem rangkaian, gangguan bekalan elektrik dan penglibatan staf dengan aktiviti anjuran Universiti dan Perpustakaan UTM.

## ANALISA BULANAN 2017 : JANUARI - DISEMBER

### 2.1.1.1.2 Objektif Kualiti

Memastikan bahan dikatalog dan diproses dalam tempoh empat belas (14) hari bekerja dari tarikh bahan diterima di BKHP, sehingga siap diproses bagi tujuan penghantaran, dalam keadaan biasa.

2.1.1.2 Dengan pengemaskinian Objektif Kualiti baharu ini, maka kedua-dua Objektif Kualiti berikut hanya digunapakai bagi Jan. – Feb. 2017 sahaja.

- i. Memastikan setiap Pustakawan mengkatalog minimum 200 judul sebulan dalam keadaan biasa.
- ii. Memastikan setiap Pembantu Perpustakaan mengkatalog dan menginput ringkas minimum 350 judul sebulan.

Mulai Mac 2017, sasaran pencapaian bulanan Pustakawan dan Pembantu Perpustakaan juga telah dikemaskini seperti berikut :

### 2.1.1.3 Pustakawan

- i. Unit Pengurusan Teknikal (UPT) – 200 judul / bulan.
- ii. Unit Hadiah & Pertukaran (UHP) – 150 judul / bulan. Pustakawan turut terlibat dengan aktiviti Repositori.

### 2.1.1.4 Pembantu Perpustakaan

- i. Unit Pengurusan Teknikal (UPT) – 250 judul / bulan setiap staf.
- ii. Unit Hadiah & Pertukaran (UHP)
  - 250 judul / bulan setiap staf. Staf yang tidak terlibat dengan aktiviti Repositori.
  - 200 judul / bulan setiap staf. Staf yang terlibat dengan aktiviti Repositori.

## 2.1.2 Prosedur Mengurus Perolehan Bahan Hadiah

2.1.2.1 Memastikan bahan yang telah dibuat proses penerimaan diakses dalam masa tiga (3) hari bekerja kecuali bahan yang memerlukan tindakan susulan.

Analisa pencapaian sila rujuk bil. 3.0 & 4.0.

## ANALISA BULANAN 2017 : JANUARI - DISEMBER

### 2.2 Key Amal Indicators (KAI) Bagi Menjawab Kepada Pencapaian di Balanced Score Card (BSC)

2.2.1 Key Amal Indicators (KAI) adalah petunjuk prestasi yang telah ditetapkan untuk mencapai sasaran ke arah kecemerlangan UTM secara global. Pencapaian KAI ini akan digambarkan dengan lebih jelas melalui Balanced Score Card (BSC) yang menjadi mekanisme untuk menilai sejauh mana sasaran ini berjaya dicapai. Bahagian Katalog, Hadiah & Pertukaran turut terlibat untuk memastikan KAI ini dicapai bagi tahun 2016 melalui 2 perspektif utama yang telah dirangkakan seperti butiran berikut :

#### Internal Process Perspective

P01 : Provision Of High Visibility Collection For Flexible Learning.

- 2.2.1.1 KPI (P1.4) : Processing and catalog library materials according to Resource Descriptions and Access (RDA) requirements.  
Initiatives : 1. All the Purchased materials received from Unit Perolehan  
: 2. Gifts and exchange materials received from Unit Hadiah dan Pertukaran  
Target 2017 : 12,000 titles. Owner – KKHP.  
: **KKHP - 5,000 titles. Owner – KKHP.**  
: KRM - 5,000 titles.  
: KKL - 2,000 titles.
- 2.2.1.2 KPI(P1.5) : To acquire library materials through gifts and exchange process.  
Initiatives : 1. Acquire through government agencies, private sectors and individuals.  
: 2. Deposit into Classified Pub e-print.  
Target 2017 : **2,000 copies. Owner –KKHP.**

Pengiraan pencapaian KAI ini mengambil kira aktiviti yang dilaksanakan oleh Pustakawan BKHP bagi proses katalog asal (tidak termasuk Classified Pub), Pembantu Perpustakaan BKHP dan peserta program latihan (pelajar/staf) bagi proses bahan CIP sahaja.

Analisa pencapaian sila rujuk bil. 3.0, 4.0, 5.0 & 6.0.

## ANALISA BULANAN 2017 : JANUARI - DISEMBER

### 2.3 BS 11620 – B.3.2.2 : Median Time Processing

Median Time Processing (MTP) adalah mekanisme pengukuran bagi tempoh memproses bahan bermula daripada penerimaan bahan pesanan dari pembekal sehingga bahan disusun di rak, selaras dengan keperluan yang telah digariskan di dalam BS 11620 : Information and Documentation – Library Performance Indicators. Fasa 1 pelaksanaan pengiraan MTP di Perpustakaan UTM - PSZJB hanya melibatkan bahan belian sahaja kerana bahan ini merupakan bahan yang paling mendominasi jumlah pemprosesan bahan di Unit Pengurusan Teknikal.

Unit Pengurusan Teknikal bertanggungjawab untuk menganalisa MTP berdasarkan data yang telah direkodkan pada Slip Pemprosesan Bahan. Data yang dicatatkan pada slip ini terdiri daripada 3 peringkat pemprosesan yang dikendalikan oleh 3 Bahagian yang berbeza. Ia melibatkan aktiviti penerimaan bahan oleh Bahagian Pembangunan Sumber (BPS), pengkatalogan bahan oleh Bahagian Katalog, Hadiah & Pertukaran (BKHP), dan penghantaran bahan yang melibatkan Bahagian Pengurusan Koleksi (BPK), PRZS dan Perpustakaan Fakulti. Pihak penerima akan mengumpul dan menyerahkan slip yang telah selesai dibuat catatan kepada BKHP untuk tujuan analisa data. Melalui data yang dikumpulkan secara bulanan, analisa dibuat berdasarkan kepada jangkamasa pemprosesan terpanjang, terlewat, terawal dan terpanjang.

Bagi memenuhi keperluan BS 11620, Perpustakaan UTM telah menetapkan sasaran untuk mencapai tempoh MTP selama 40 hari bermula dari bahan diterima sehingga siap disusun di rak. Bermula 2014, data pengiraan akan disediakan pada setiap awal bulan untuk dilaporkan melalui Laporan Pencapaian Bulanan.

Analisa pencapaian sila rujuk bil. 7.0.

### 2.4 Permohonan Bahan SEGERA

2.4.1 Analisa pencapaian permohonan bahan SEGERA yang diterima oleh BKHP mengambilkira semua jenis bahan. Permohonan bahan ini diterima dari BPMP dan BPS melalui borang permohonan rasmi daripada pengguna. Pengiraan tempoh mengurus permohonan bahan segera yang diterima dari beberapa Bahagian di Perpustakaan UTM untuk diproses mengikut tempoh yang telah ditetapkan seperti berikut :

- a. 5 hari bekerja dari tarikh penerimaan di BKHP bagi permohonan untuk dipinjam keluar dan permohonan dari perkhidmatan ILL.
- b. 2 hari bekerja dari tarikh penerimaan di BKHP bagi permohonan untuk rujukan dalaman selain daripada bahan tesis & PSM (Perpustakaan UTM - PSZJB sahaja).
- c. hari bekerja dari tarikh penerimaan di BKHP bagi permohonan untuk dipinjam keluar yang diterima dari BPS sahaja.



## ANALISA BULANAN 2017 : JANUARI - DISEMBER

2.4.2 Permohonan bahan SEGERA yang diterima dari Perpustakaan UTM - PSZJB diproses mengikut tempoh seperti di atas. Permohonan hendaklah dihantar ke BKHP sebelum jam 3.00 petang hari bekerja bagi memastikan kelancaran proses mengkatalog bahan. Setiap permohonan akan dikepilkan dengan Slip Pemprosesan Bahan Segera BKHP untuk memantau tempoh pengurusan permohonan bahan SEGERA di BKHP. Klasifikasi penerimaan permohonan bahan segera berdasarkan Bahagian yang memohon adalah seperti berikut :

<b>BIL.</b>	<b>BORANG</b>	<b>BAHAGIAN</b>
		<b>PERKHIDMATAN MAKLUMAT</b>
1.	Permohonan dalam talian	- Semua jenis permohonan pinjam keluar
2.	Permohonan dalam talian	- Permohonan merujuk lain-lain bahan.
		<b>PEMBANGUNAN SUMBER</b>
3.	Borang Putih	- Semua jenis permohonan pinjam keluar.
4.	Borang Merah jambu	- Semua jenis permohonan pinjam keluar (Permohonan melalui Vot Penyelidikan).

Analisa pencapaian sila rujuk bil. 8.0.

Ringkasan pencapaian keseluruhan bahagian Katalog, Hadiah & Pertukaran, sila rujuk bil. 9.0.



U L A S A N

## ANALISA BULANAN 2017 : JANUARI - DISEMBER

### RINGKASAN PENCAPAIAN KESELURUHAN BKHP

#### A. KEY AMAL INDICATORS : BALANCED SCORE CARD

A1. Keseluruhan aktiviti pengkatalogan bahan asal dan bahan CIP sahaja. Rujuk Jadual 4.1-4.2.	2562 J / 3123 N Pencapaian tahunan : 51.2%. Sasaran : 5,000 J/tahun
A2. Keseluruhan aktiviti penerimaan bahan judul baharu, naskhah tambahan dan pendepositan bahan digital oleh staf UHP. Rujuk Jadual 4.3 & 4.4.	1247 J / 1409 N Pencapaian tahunan : 62.4%. Sasaran : 2,000 J/tahun

#### B. PENCAPAIAN BAHAGIAN

B1. Keseluruhan aktiviti memproses bahan oleh Pustakawan & Pembantu Perpustakaan (katalog bahan asal, bahan CIP, input ringkas, penerimaan bahan & naskhah tambahan). Rujuk Jadual 4.5.	5385 J / 6862 N Pencapaian tahunan : 28.5%. Sasaran : 18,900 J/tahun
<b>B2. Pencapaian Median Time Processing / BS : 11620 : British Standard : Information &amp; Documentation – Library Performance Indicators.</b> Tempoh pemerosesan bahan belian bermula dari proses bahan diterima dari pembekal sehingga bahan selesai disusun di rak. Rujuk Jadual 5.1.	32 HARI Pencapaian bulanan : 32 hari. Sasaran : 40 hari/bahan

#### C. PENCAPAIAN OBJEKTIF KUALITI

C1. <b>Pencapaian Pustakawan BKHP</b> Aktiviti pengkatalogan bahan asal. Rujuk Jadual 1.1.	83 J / 141 N Pencapaian bulanan : 20.8%. Sasaran : 400 J/bulan
C2. <b>Pencapaian Pembantu Perpustakaan BKHP : UPT</b> Aktiviti pengkatalogan bahan merangkumi bahan CIP, input ringkas & naskhah tambahan. Rujuk Jadual 2.1 & 2.2.	160 J / 392 N Pencapaian bulanan : 22.9%. Sasaran : 700 J/bulan
C3. <b>Pencapaian Tempoh Proses Akses Bahan : UHP</b> Aktiviti akses bahan hadiah. Rujuk Jadual 2.1 & 2.2.	88%. Pencapaian bulanan : 100%. Sasaran : 3 hari bekerja.

#### D. LAIN-LAIN PENCAPAIAN

D1. <b>Pencapaian Pembantu Perpustakaan BKHP : UHP</b> Pencapaian aktiviti pengkatalogan bahan merangkumi penerimaan bahan, bahan CIP, input ringkas & naskhah tambahan. Rujuk Jadual 2.1 & 2.2.	163 J / 199 N Pencapaian bulanan : 36.2%. Sasaran : 450 J/bulan
D2. <b>Permohonan Bahan Segera</b> Pengurusan & pemprosesan bahan SEGERA mengikut tempoh & jenis permohonan bahan yang diterima dari pelbagai Bahagian di Perpustakaan UTM. Rujuk Jadual 6.1 & 6.2.	100 % Pencapaian bulanan : 100% @ 4 permohonan. Sasaran : 100% (Bahagian)

## ANALISA BULANAN 2017 : JANUARI - DISEMBER

### 3. PENCAPAIAN PUSTAKAWAN

#### 3.1 Analisa Pencapaian Semasa

Pencapaian semasa bagi aktiviti mengkatalog bahan asal oleh Pustakawan adalah sebanyak seperti berikut :

3.1.1 Jumlah keseluruhan **66 judul dan 178 naskhah** yang merangkumi proses mengkatalog bahan bacaan seperti buku, cakera padat, monograf penyelidikan, bahan bersiri, dan lain-lain.\*

3.1.2 Peratus pencapaian semasa adalah **16.5%**. Pecahan berikut menunjukkan proses pengkatalogan bahan mengikut jenis perolehan bahan :

- a. Bahan belian
  - 30 judul / 32 naskhah.
- b. Bahan hadiah & pertukaran
  - 41 judul / 49 naskhah.
- c. Bahan koleksi khas
  - 12 judul / 60 naskhah.

**Jumlah keseluruhan : 83 judul / 141 naskhah**

3.1.3 Secara purata, sejumlah 42 judul / 71 naskhah bahan telah berjaya dikatalog. Julat perbezaan bagi jumlah judul dan naskhah adalah sebanyak 58 naskhah, iaitu 69.9%.

3.1.4 Pencapaian keseluruhan Pustakawan adalah sebanyak 46.2%, iaitu kurang daripada sasaran yang ditetapkan sebanyak 53.8%.

3.1.5 Selain daripada aktiviti mengkatalog bahan, Pustakawan UPT juga terlibat dengan tugas lain yang memberi kesan secara langsung dan tidak langsung kepada keseluruhan tugas di Bahagian Katalog, Hadiah & Pertukaran antaranya adalah :

- a. Mulai Jan. 2017, P(HP) telah melaksanakan aktiviti mendeposit bahan digital bagi koleksi bahan hadiah melalui aplikasi Repositori.
- b. P(PT) menjalani cuti sakit mulai 01-12.10.2017.
- c. Monthly Review AIDP – 25.10.2017.
- d. Perjumpaan NC – 9.10.2017.
- e. P(HP) mengikuti Bengkel Kemaskini Proses Kerja Jurnal Bercetak (UJME) – 25.10.2017.
- f. Gotong-royong – 12.10.2017

Nota : Laporan pencapaian mulai Jun telah diselaraskan semula bagi jumlah sasaran bulanan Pustakawan kembali kepada 200 judul sebulan. Oleh itu, semua data yang dilaporkan pada pencapaian analisa bulanan mulai Jun 2017 telah mengambilkira kemaskini bagi data bulan kebelakangan.

Data bagi perincian pencapaian semasa oleh Pustakawan telah disediakan melalui Jadual 1 dan Rajah 1 yang di lampirkan.

Nota :

\* Pencapaian Objektif Kualiti Prosedur Mengkatalog dan Memproses Bahan.

## ANALISA BULANAN 2017 : JANUARI - DISEMBER

### 4. PENCAPAIAN PEMBANTU PERPUSTAKAAN

#### 4.1 Analisa Pencapaian Semasa

4.1.1 Pencapaian bulanan bagi Pembantu Pustakawan BKHP terbahagi kepada 2 unit seperti berikut :

- a. Unit Pengurusan Teknikal (UPT)\* / \*\*
  - Sasaran pencapaian bulanan adalah 350 judul.
  - Pencapaian bulanan ini merangkumi aktiviti pengkatalogan :
    - i. bahan *cataloging in print* (CIP),
    - ii. proses menginput ringkas data bibliografik (IR), dan
    - iii. memproses naskhah tambahan (NT) di Modul Katalog.
- b. Unit Hadiah & Pertukaran (UHP)\*\*
  - Sasaran pencapaian bulanan adalah 300 judul.
  - Pencapaian bulanan ini merangkumi aktiviti pengkatalogan ;
    - i. bahan *cataloging in print* (CIP),
    - ii. proses menginput ringkas data bibliografik (IR),
    - iii. memproses naskhah tambahan (NT), dan
    - iv. aktiviti penerimaan bahan (TB) di Modul Perolehan.

Nota :

\* Pencapaian Objektif Kualiti Prosedur Mengkatalog dan Memproses Bahan.

\*\* Pengiraan pencapaian bagi KAI / Balanced Score Card hanya mengambilkira aktiviti pengkatalogan bahan *cataloging in print* (CIP) sahaja.

4.1.2 Pencapaian semasa bagi aktiviti mengkatalog dan memproses bahan CIP, IR, NT dan TB oleh Pembantu Perpustakaan adalah sebanyak **161 judul dan 288 naskhah** yang merangkumi bahan bacaan seperti buku, cakera padat, tesis (PSM), bahan bersiri, dan lain-lain.

4.1.3 Pecahan jumlah pencapaian ini mengikut unit adalah seperti berikut :

- a. Unit Pengurusan Teknikal
  - **160 judul / 392 naskhah @ 22.9%.**
  - Purata : **80 judul / 196 naskhah.**
- b. Unit Hadiah & Pertukaran
  - **163 judul / 199 naskhah @ 36.2%.**
  - Purata : **82 judul / 100 naskhah.**

## ANALISA BULANAN 2017 : JANUARI - DISEMBER

4.1.4 Pencapaian keseluruhan aktiviti pengkatalogan oleh Pembantu Pustakawan, berdasarkan jumlah judul dan naskhah adalah seperti berikut :

- a. Mengkatalog bahan CIP
  - 68 judul / 69 naskhah @ 21.1%.
- b. Memasukkan data Input Ringkas
  - 75 judul / 93 naskhah @ 23.2%.
- c. Memasukkan data Input Ringkas (Koleksi Khas)
  - 56 judul / 282 naskhah @ 17.3%.
- d. Memproses Naskhah Tambahan
  - 82 judul / 88 naskhah @ 25.4%.
- e. Memproses Penerimaan Bahan
  - 42 judul / 59 naskhah @ 13.0%.

**Jumlah keseluruhan : 323 judul / 591 naskhah.**

4.1.5 Peratus pencapaian keseluruhan adalah sebanyak **28.1%**, di mana tiada Pembantu Perpustakaan yang berjaya mencapai sasaran bulanan. Julat perbezaan bagi jumlah judul dan naskhah adalah sebanyak **268 naskhah, iaitu 83.0%**.

4.1.6 Selain daripada aktiviti mengkatalog bahan, Pembantu perpustakaan BKHP juga terlibat dengan tugas lain yang memberi kesan secara langsung dan tidak langsung kepada keseluruhan tugas di Bahagian Katalog, Hadiah & Pertukaran antaranya adalah :

- a. Mulai Jan. 2017, PmP(HP1) telah melaksanakan aktiviti mendeposit bahan digital bagi koleksi bahan hadiah melalui aplikasi Repositori.
- b. Perjumpaan NC – 9.10.2017.

- c. Gotong-royong – 12.10.2017.
- d. K-Sharing – 10.10.2017.
- e. Ceramah Pemantapan Rohani – 12.10.2017.
- f. PmP(HP2) cuti menunaikan haji mulai 28.08. – 06.10.2017.

Nota : Laporan pencapaian mulai Jun telah diselaraskan semula bagi jumlah sasaran bulanan Pembantu Perpustakaan kembali kepada 350 judul sebulan. Oleh itu, semua data yang dilaporkan pada pencapaian analisa bulanan mulai Jun 2017 telah mengambilkira kemaskini bagi data bulan kebelakangan.

Data bagi perincian pencapaian semasa oleh Pembantu Perpustakaan telah disediakan melalui Jadual 2 dan Rajah 2 yang di lampirkan.

## ANALISA BULANAN 2017 : JANUARI - DISEMBER

### 5. PENCAPAIAN PROGRAM LATIHAN (PELAJAR / STAF)

#### 5.1 Analisa dan Data Pencapaian Semasa

Laporan pencapaian pelajar latihan industri adalah berdasarkan kepada penempatan pelajar di BKHP untuk tempoh 6 bulan bagi setiap sesi. Pelajar yang terlibat menjalani latihan di Bahagian ini akan melaksanakan beberapa tugas seperti mana yang dirangka oleh KKHP.

Umumnya, terdapat 1 orang pelajar yang akan menjalani latihan di BKHP secara tetap selama 6 bulan. Giliran menjalani latihan di lain-lain Bahagian selama 1 minggu telah dijadualkan untuk memastikan keseluruhan aspek berkaitan perkhidmatan dan bidang tugas di Perpustakaan UTM diberi pendedahan yang sewajarnya. Bagi aktiviti pengkatalogan bahan, pelajar berpeluang mempelajari proses input ringkas dan pengkatalogan CIP. Bagi menjawab kepada KAI/Balanced Score Card di BKHP, hanya aktiviti pengkatalogan CIP sahaja yang diambil kira untuk bahagian 6. Berikut adalah pencapaian semasa pelajar berdasarkan aktiviti yang dilakukan di BKHP :-

- Nama pelajar : tiada.
- Fakulti : tiada.
- Proses input ringkas : 0 judul / 0 naskhah.
- Katalog CIP : 0 judul / 0 naskhah.

Data bagi perincian pencapaian semasa oleh Pembantu Perpustakaan telah disediakan melalui Jadual 3 yang di lampirkan.

### 6. KEY AMAL INDICATORS (KAI) / PENCAPAIAN BALANCED SCORE CARD (BSC)

#### 6.1 Analisa dan Data Pencapaian Semasa

6.1.2 Analisa pencapaian pengkatalogan bahan ini hanya merangkumi aktiviti pengkatalogan bahan asal oleh Pustakawan dan pengkatalogan bahan CIP oleh Pembantu Perpustakaan sahaja. Pencapaian semasa adalah seperti berikut :

- i. Bahan belian
  - 314 judul / 12.3% daripada pencapaian bulanan.
- ii. Bahan koleksi khas
  - 1880 judul / 73.4% daripada pencapaian bulanan.
- iii. Bahan hadiah & pertukaran
  - 368 judul / 14.4% daripada pencapaian bulanan.

#### **Pencapaian keseluruhan**

**- 2562 judul / 51.2% daripada sasaran tahunan.**

6.1.3 Pencapaian KAI hanya mensasarkan aktiviti penerimaan bahan bagi judul baharu, naskhah tambahan oleh Unit Hadiah & Pertukaran, termasuk aktiviti pendepositan bahan digital. Penetapan KAI bagi KPI ini merupakan sasaran baharu bagi BKHP mulai 2017. Pencapaian semasa bagi KPI ini adalah seperti berikut :

## ANALISA BULANAN 2017 : JANUARI - DISEMBER

- i. Judul baharu - 281 judul, 370 naskhah @ 14.1%.
- ii. Naskhah tambahan – 411 judul, 484 naskhah @ 20.6%.
- iii. Pendevisitan bahan digital – 555 judul @ 27.8%.

**Jumlah keseluruhan = 1247 judul, 1409 naskhah.**

Jadual 4 yang dilampirkan menunjukkan pencapaian terkini KAI di Bahagian Katalog, Hadiah & Pertukaran berdasarkan analisa di atas.

### 7. BS 11620 – B.3.2.2 : MEDIAN TIME PROCESSING

#### 7.1 Analisa dan Data Pencapaian Semasa

Pencapaian semasa MTP adalah seperti berikut :

- a. Jumlah penghantaran bahan = 64 naskhah.
- b. Pencapaian MTP = 32 hari. Capai.
- c. Jumlah keseluruhan penghantaran bahan mulai Jan. 2017 = 250 naskhah.

Pencapaian bagi 2017 ini turut digambarkan melalui data di Jadual 5 dan Rajah 3 yang dilampirkan.

RALAT : Pencapaian Mei dikemaskini semula kerana terdapat data yang tercicir untuk dilaporkan. Kemaskini bagi pencapaian Mei telah dilaporkan pada Pencapaian Analisa Bulanan – Jun 2017.



## ANALISA BULANAN 2017 : JANUARI - DISEMBER

### 8. PERMOHONAN BAHAN SEGERA

#### 8.1 Analisa Pencapaian

8.1.1 Pencapaian semasa permohonan bahan SEGERA adalah seperti berikut :

- a. Jumlah permohonan semasa adalah 4 permohonan dengan peratus pencapaian adalah 100%.

Disediakan oleh :  
Haslina Hussin  
Pustakawan Kanan  
P(PT)  
14hb. Disember 2017.

- b. Jumlah permohonan yang berjaya diproses kurang daripada 1 hari adalah sebanyak 2 permohonan @ 50%.

Jadual 6 dan Rajah 4 menunjukkan data pengurusan permohonan bahan segera mengikut jenis permohonan dan pencapaian keseluruhan 2017.

Disemak dan disahkan oleh :

.....  
Badariah Borham  
Ketua  
Bahagian Katalog, Hadiah dan Pertukaran  
(KKHP)  
Tarikh : ...../ Disember 2017.



LAMPPIRAN

JADUAL



## ANALISA BULANAN 2017 : JANUARI - DISEMBER

### LAMPIRAN : SENARAI JADUAL

#### Pencapaian Pustakawan

i.	Jadual 1.1 : Aktiviti Pengkatalogan Bahan Asal Mengikut Jenis Perolehan Bahan – Pustakawan	1
ii.	Jadual 1.2 : Pencapaian Aktiviti Calssified Pub – Pustakawan UHP	2
ii.	Jadual 1.3 : Perbandingan Aktiviti Pengkatalogan Bahan Asal – Pustakawan	2
iii.	Jadual 1.4 : Pencapaian Bulanan	2
iv.	Jadual 1.5 : Ringkasan Lain-Lain Tugas Pustakawan	3
v.	Jadual 1.6 : Ringkasan Pencapaian Bulanan Pengkatalogan Bahan – Pustakawan	3

#### Pencapaian Pembantu Perpustakaan

i.	Jadual 2.1 : Aktiviti Memproses Bahan Mengikut Jenis Aktiviti - Pembantu Perpustakaan	4
ii.	Jadual 2.2 : Aktiviti Memproses Bahan Mengikut Jenis Bahan - Pembantu Perpustakaan	4
iii.	Jadual 2.3 : Perbandingan Aktiviti Pemprosesan Bahan - Pembantu Perpustakaan & Pelajar L/I	5
iv.	Jadual 2.4 : Perbandingan Aktiviti Pemprosesan Bahan - Pembantu Perpustakaan	5
v.	Jadual 2.5 : Pencapaian Bulanan Aktiviti Pemprosesan Bahan - Pembantu Perpustakaan & Pelajar L/I	6
vi.	Jadual 2.6 : Pencapaian Lain-Lain Tugas - Pembantu Perpustakaan	6
vii.	Jadual 2.7 : Pencapaian Keseluruhan Aktiviti Pemprosesan Bahan - Pembantu Perpustakaan & Pelajar L/I	7

#### Pencapaian Program Latihan Pelajar

i.	Jadual 3.1 : Pencapaian Keseluruhan Aktiviti Pemprosesan Bahan oleh Pelajar Latihan Industri - Mengikut Jenis Bahan	8
ii.	Jadual 3.2 : Pencapaian Keseluruhan Aktiviti Pemprosesan Bahan oleh Pelajar Latihan Industri - Mengikut Aktiviti	8
iii.	Jadual 3.3 : Pencapaian Keseluruhan Aktiviti Muatnaik Classified Pub oleh Pelajar Latihan Industri - Mengikut Aktiviti	9

#### Pencapaian KAI / Balanced Score Card (BSC) & Pencapaian Objektif Kualiti

i.	Jadual 4.1 : Pencapaian Keseluruhan KAI Pengkatalogan (Bahan Asal, Bahan CIP, & Kategori)	10
ii.	Jadual 4.2 : Perincian Pencapaian KAI Pengkatalogan (Bahan Asal & Bahan CIP)	11
iii.	Jadual 4.3 : Perincian Pencapaian KAI Penerimaan Bahan Hadiah (Judul Baharu & Naskhah Tambahan)	12
iv.	Jadual 4.4 : Perincian Pencapaian Keseluruhan KAI Penerimaan Bahan Hadiah	12
v.	Jadual 4.5 : Prestasi Pencapaian Keseluruhan Pengkatalogan (Bahan Asal, Terima Bahan, CIP, Input Ringkas & Naskhah Tambahan)	14
vii.	Jadual 4.6 : Pencapaian Keseluruhan Pemprosesan Bahan – Objektif Kualiti	15
viii.	Jadual 4.7 : Prestasi Pencapaian Keseluruhan Tempoh Proses Akses Bahan (dari Tarikh Terima) oleh Pembantu Operasi – Objektif Kualiti	16

## ANALISA BULANAN 2017 : JANUARI - DISEMBER

### **Pencapaian Median Time Processing (MTP)**

- i. Jadual 5.1 : Median Time of Document Processing - BS11620 (MTP), Bahagian Katalog, Hadiah & Pertukaran Pencapaian Pemprosesan 17

### **Permohonan Bahan Segera**

- i. Jadual 6.1 : Permohonan Bahan Segera Mengikut Bilangan Hari dan Bulan
- ii. Jadual 6.2 : Pencapaian Keseluruhan Permohonan Bahan Segera bagi Bulan Semasa 18

## ANALISA BULANAN 2017 : JANUARI - DISEMBER

### PENCAPAIAN PUSTAKAWAN

**JADUAL 1.1 : AKTIVITI PENGKATALOGAN BAHAN ASAL MENGIKUT JENIS PEROLEHAN BAHAN – PUSTAKAWAN**

JENIS BAHAN / BULAN	P(PT) / SASARAN BULANAN = 200 JUDUL (A)								P(HP) / SASARAN BULANAN = 200 JUDUL (B)							
	BELIAN		HADIAH		KOLEKSI KHAS		JUMLAH		BELIAN		HADIAH		KOLEKSI KHAS		JUMLAH	
	J	N	J	N	J	N	J	N	J	N	J	N	J	N	J	N
BUKU	29	31	0	0	12	60	41	91	1	1	28	35	0	0	29	36
CAKERA PADAT	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
TESIS	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
BAHAN BERSIRI	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	13	14	0	0	13	14
LAIN-LAIN	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
GALERIUM	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
<b>JUMLAH</b>	<b>29</b>	<b>31</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>12</b>	<b>60</b>	<b>41</b>	<b>91</b>	<b>1</b>	<b>1</b>	<b>41</b>	<b>49</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>42</b>	<b>50</b>

JENIS BAHAN / BULAN	STAF PROGRAM LATIHAN - C								JUMLAH KESELURUHAN (A + B + C)						JUMLAH	
	BELIAN		HADIAH		KOLEKSI KHAS		JUMLAH		BELIAN		HADIAH		KOLEKSI KHAS			
	J	N	J	N	J	N	J	N	J	N	J	N	J	N	J	N
BUKU	0	0	0	0	0	0	0	0	30	32	28	35	12	60	70	127
CAKERA PADAT	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
TESIS	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
BAHAN BERSIRI	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	13	14	0	0	13	14
LAIN-LAIN	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
GALERIUM	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
